

09 SEP 1999

Inkubator

LEBIH BANYAK PUSAT INKUBATOR TEKNOLOGI AKAN DIBANGUNKAN

BANGI, 9 Sept (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) akan membangunkan lebih banyak pusat inkubator teknologi di institusi pengajian tinggi awam selaras dengan hasrat kerajaan menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat berteknologi tinggi di negara ini, kata Pengarahnya Haji Abdul Muis Hassan.

Beliau berkata setakat ini MTDC telah membangunkan tiga pusat seperti itu termasuk yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini iaitu Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC.

Dua yang lain ialah Pusat Inkubator Teknologi UPM-MTDC di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Pusat Inovasi UM-MTDC di Universiti Malaya (UM), katanya pada majlis perasmian Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC di sini.

Katanya MTDC bercadang membangunkan pusat inkubator teknologi di Universiti Teknologi Malaysia, Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA.

Beliau berkata penubuhan pusat-pusat inkubator berkenaan bertujuan membangunkan syarikat berteknologi tinggi dengan kadar kos yang rendah serta memberi peluang kepada syarikat menggunakan kemudahan infrastruktur dan kepakaran yang terdapat di universiti tempatan.

Katanya setiap pusat inkubator teknologi mempunyai fokus tersendiri seperti di UPM menempatkan syarikat-syarikat teknologi maklumat (IT) dan multimedia manakala di UM pula menempatkan syarikat-syarikat yang berkecimpung dalam bidang dalam "advance electronic" dan "core-science technology".

Abdul Muis berkata pusat di UKM pula akan memberi tumpuan dalam sektor bioteknologi dan kejuruteraan kimia.

Selain daripada kerjasama dengan pihak universiti, MTDC juga bekerjasama dengan Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang untuk membangunkan pusat inkubator teknologi di Bandar Bayan Baru.

Sementara itu, Naib Canselor UKM Prof Datuk Dr Anuwar Ali berkata penubuhan Pusat Teknologi Pintar itu diharap dapat meningkatkan lagi aktiviti pemindahan hasil-hasil penyelidikan dan teknologi kepada syarikat swasta.

Katanya walaupun produk UKM dalam bentuk khidmat rundingan telah berjaya dipasarkan sejak awal 80-an namun aktiviti pemindahan hasil penyelidikan kepada sektor swasta masih di paras amat rendah.

Demikian juga dengan pendapatan daripada aktiviti-aktiviti pemindahan hasil penyelidikan, jumlahnya tidaklah besar tetapi ia bertambah dari tahun ke tahun, katanya.

Prof Dr Anuwar berkata UKM sentiasa bersedia bekerjasama dengan mana-mana pihak bagi memasarkan hasil-hasil penyelidikan dan teknologinya.

"Kami percaya pusat ini akan dapat membantu anggota akademi UKM meningkatkan keupayaan dan kecekapannya untuk memindahkan hasil penyelidikan dan teknologi kepada industri," katanya.

Beliau berharap puast itu akan menjadi perantara yang dapat memupuk dan membina jalinan kerjasama antara UKM dengan syarikat-syarikat swasta yang menjalankan perniagaan mereka berteraskan sains dan teknologi.

Pusat Teknologi Pintar UKM-MTDC itu terletak di kawasan seluas 2.4 hektar di UKM dan menyediakan ruang dan infrastruktur yang bersesuaian bagi tujuan inkubasi teknologi dalam bidang bioteknologi dan bidang lain berkaitan dengan konsep teknologi kluster.

Pada majlis itu, Dr Mahathir turut menyaksikan majlis menandatangani

lapan kontrak dan perjanjian persefahaman yang ditandatangani antara UKM dengan syarikat-syarikat swasta bagi projek perunding dan penyelidikan pelbagai pihak.

-- BERNAMA

NZ RHM